

08/04/2001

Antara Qazaf Hadi dan istilah Anwar

Syed Akbar Ali

MENTERI Besar Terengganu, Hadi Awang, menulis sebuah buku berjudul Qazaf Mangsa Fitnah yang menonjolkan tanggungjawab Hadi untuk membela Anwar Ibrahim yang beliau percaya telah difitnah dan dianiaya.

Kata pengantar buku itu ditulis oleh Anwar Ibrahim sendiri. Lidah rasmi Pas, Harakah menyiarkan kata pengantar Anwar Ibrahim itu sepenuhnya pada keluaran 16 Mac 2001.

Anwar mulakan kata pengantarnya dengan berkata inti dan tunjang hukum Islam adalah keadilan. Memang pun. Sebenarnya tidak perlu kita sebut perkara itu kerana Maha Suci Allah memang menyuruh kita berlaku adil.

Sesungguhnya Allah menyuruh (kamu) berlaku adil dan berbuat kebajikan. Surah 16:90.

Tetapi, Anwar terlupa walaupun Ummi Hafilda Ali telah menulis suratnya yang menyentuh tentang peribadi Anwar pada 1997, tidak ada sebarang tindakan diambil terhadap Anwar sehingga penyokong Anwar sendiri membuat laporan polis terhadap buku 50 Dalil pada 1998. Akibat daripada laporan polis yang dibuat oleh pihak Anwar sendiri, polis membuat siasatan yang kemudiannya memecahkan banyak tembelang. Maka muncul juga nama seperti Nallakaruppan, seorang Pengarah Perhubungan Awam sebuah syarikat judi, Sukma Dermawan dan lain lain.

Jauh sebelum itu, Ummi Hafilda telah diburu dan ditangkap polis atas arahan Anwar dan didera dengan menggunakan kaedah turnover untuk memaksa Ummi menafikan tuduhan beliau terhadap Anwar. Atas kesalahan ini, Anwar kemudian dihadapkan ke mahkamah dan didapati salah gunakan kuasa terhadap Ummi Hafilda. Mengikut keadilan undang-undang, seseorang yang aibkan seorang yang lain tanpa asas dan secara terbuka boleh disaman malu (libel) di mahkamah. Inilah cara yang beradab dan selari dengan keadilan Islam. Misalnya, Anwar Ibrahim sendiri pernah saman Dr Mahathir di mahkamah atas tuduhan mengaibkan beliau.

Sebaliknya, Ummi Hafilda tidak pernah dihadapkan ke mahkamah atas sebarang tuduhan. Hanya kerana menulis sepucuk surat yang mengaibkan Anwar, Ummi Hafilda diburu dan ditangkap oleh satu pasukan elit Cawangan Khas polis yang tugas mereka sebelum itu pernah menggunakan kaedah turnover itu terhadap penganas komunis. Yang anehnya Parti Komunis Malaya telah mengaku kalah pada 1989.

Maka nama Ummi Hafilda patut dicatat dalam Malaysia Book of Records sebagai wanita pertama yang dikenakan tindakan turnover oleh polis Cawangan Khas sejak Parti Komunis Malaya dikalahkan pada 1989. Apakah jembalang yang dibawa Ummi sehingga beliau diberi layanan yang sebegitu istimewa oleh Anwar? Di manakah inti dan tunjang keadilan ketika polis Cawangan Khas dikerah memburu dan menangkap Ummi Hafilda?

Sepertimana boleh disangka Hadi terus membisu tentang kes Ummi Hafilda dalam buku Qazaf itu. Dalam buku itu Hadi tidak tergamam untuk berkata sesiapa yang membisu terhadap perbuatan zalim adalah membisu syaitan. Semoga Hadi dapat membezakan yang mana satu bisu Tuan Guru dan yang mana pula bisu syaitan.

Ketika Anwar menjadi Menteri Kewangan, ramai orang berasa pelik dengan tabiat Anwar menggunakan perkataan Arab dan perkataan lain yang jarang digunakan dan susah difaham ketika membentangkan ucapan Belanjawan dan sebagainya.

Pernah juga orang kkuatiri jika Anwar sendiri faham akan maksud sebenar perkataan-perkataan yang digunakan itu.

Begitu juga dalam kata pengantar buku itu Anwar gunakan perkataan seperti masyghul dan syahdan yang pasti tidak difahami oleh ramai pembaca buku itu. Beliau juga menggunakan suatu perkataan onaniyah dan memberi maksudnya sebagai ego. Mengikut seorang profesor yang pakar bahasa, perkataan onaniyah ini tidak termasuk dalam istilah bahasa Arab pun. Jika dirujuk kamus Bahasa Melayu hanya ada perkataan onani yang maksudnya ialah perbuatan mengeluarkan air mani dengan tangan ataupun masturbation dalam bahasa Inggeris. Apakah aliran fikiran yang mendorongkan penggunaan perkataan onaniyah ini. Wallahualam saja.

Salah satu cara untuk mengukur keberkesanan seorang pemimpin atau pemikir ialah kecenderungan mereka memastikan supaya para pendengar faham dengan jelas akan maksud ucapan dan buah fikiran mereka. Orang yang suka menggunakan perkataan yang susah difaham oleh umum tidak lain daripada pembaca Quran yang mencari populariti dengan tajwidnya, tetapi tidak peduli jika orang tidak faham maksud ayat yang dibaca. Pahala itu dihitung pada bunyinya saja.

Sepertimana boleh disangka, Anwar juga timbulkan isu kroni dan sanak saudara yang kaya dalam kata pengantar itu. Tetapi, beliau tidak menyentuh tentang kroni tertentu yang memiliki lebih 20 buah kereta mewah ataupun isteri kroni yang boleh menjadi pengarah syarikat gergasi.

Untuk mengkritik fahaman Dr Mahathir tentang undang-undang hudud, Anwar berkata, beliau pernah berulang kali menasihati Dr Mahathir supaya jangan bergantung sangat kepada terjemahan ayat al-Quran dalam bahasa Inggeris saja.

Sekali lagi ini adalah kenyataan yang pelik memandangkan Anwar sendiri tidak tahu bahasa Arab dan beliau sendiri bergantung kepada terjemahan al-Quran dalam bahasa Inggeris dan Melayu. Jika Dr Mahathir dituduh salah faham selepas membaca terjemahan al-Quran, apakah Anwar pula betul selepas membaca terjemahan juga?

Kemudian untuk membantu Dr Mahathir fahami undang-undang hudud, Anwar berkata dia telah hadiahkan dua buah buku kepada Dr Mahathir iaitu Principles of Islamic Jurisprudence oleh Mohamed Hashim Kamali dan Islamic Law: Its Scope and Equity oleh Said Ramadhan. Ya Pak Sheikh, kedua-dua buku ini adalah buku bahasa Inggeris dan membawa terjemahan ayat al-Quran dalam bahasa Inggeris juga.

Tetapi, kenyataan Anwar ini menunjukkan satu tahap kematangan fikiran yang meragukan. Kedua-dua buku itu sebenarnya menjadi buku teks bagi penuntut tahun pertama di Universiti Islam Antarabangsa di mana Anwar pernah menjadi Presidennya. Buku Said Ramadhan yang disebutnya itu hanya mempunyai 170 halaman dan hanya memberi fahaman asas bagi penuntut tahun pertama.

Misalnya, bab Syariah diceritakan dalam sepuluh halaman saja. Buku ini berada dalam koleksi penulis dan dibeli dengan harga RM7 saja senaskah. Apakah fahaman Anwar tentang undang-undang syariah terbatas kepada buku asas yang dibaca penuntut tahun pertama?

Seperkara lagi yang tidak selari dengan Hadi ialah komen Anwar dalam kata pengantarnya sistem keadilan sekarang dinodai dengan penyalahgunaan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA). Parti pembangkang terutama sekali Pas menentang habis ISA dan menyeru supaya ISA dimansuhkan.

Dalam buku Qazaf ini Hadi berkata penahanan tanpa bicara mengikut ISA itu lebih dahsyat daripada peristiwa lebam mata ketika dalam tahanan (m.s.6). Tetapi, orang yang lebam mata pula tidak menyebut supaya dimansuhkan rang undang-undang ISA secara keseluruhannya. Cuma jangan disalahgunakan.

Ketika Anwar menduduki jawatan kerajaan, ISA pernah digunakan beberapa kali contohnya ketika Operasi Lalang 1987 di mana Chandra Muzaffar turut ditahan dan juga untuk membanteras kumpulan Al-Arqam. Anwar perlu jelaskan

kepada Hadi kenapa ISA yang tidak disalahgunakan masih adil dan boleh selari dengan inti dan tunjang hukum.

Menyentuh tentang hudud pula Anwar berkata, kita tidak boleh mempertikai hudud selain mengkaji kaedah pelaksanaan dalam sistem undang-undang negara.

Walaupun bersetuju dengan hudud, Anwar menyoal kaedah pelaksanaannya. Pendek kata, hudud tidak patut terlaksana selagi kaedah pelaksanaannya boleh diragui. Hadi pula setuju hukum hudud boleh ditunda ketika kemelesetan ekonomi atau ketika peperangan jika situasi politik dan keselamatan negara tidak mengizinkan (m.s.9).

Kedua-duanya adalah sangkaan tersilap yang juga pelik. Jika hudud itu sebenarnya adalah hukum Allah, bagaimana manusia kerdil yang tanggungjawabnya untuk mematuhi segala perintah Allah boleh menanggukkan pelaksanaan hukum-hukum Allah atas alasan pertumbuhan pengeluaran kasar negara (GDP) misalnya kurang daripada tiga peratus untuk tahun ini ataupun keselamatan negara terancam ataupun kita kabur tentang pelaksanaannya?

Bagaimanapun, Hadi tidak setuju pendapat Anwar masalah kaedah dijadikan dalil untuk mempertikai pelaksanaan hudud.

Hadi berkata, seperti yang disalahtafsirkan oleh mereka yang beraldalil untuk tidak melaksanakan hukum Allah (m.s. 9).

Berhubung dengan isu hukum agama ini, akhbar Commentary keluaran International Movement for a Just World atau JUST yang dipelopori Chandra Muzaffar yang juga menjadi pengasas dan Timbalan Presiden Parti Keadilan, merakamkan suatu ucapan oleh Chandra Muzaffar di England bertajuk Islam:

Obstacles to Equality ataupun Islam: Halangan kepada Keadilan (Vol. 1, No.3, March 2001, m.s.8).

Dalam ucapannya, Chandra seru supaya Islam secara keseluruhannya ditafsir semula (reinterpretation of Islam). Beliau juga menyalahkan pendekatan fikah sebagai mengakibatkan ketidakadilan dalam sistem pemerintahan Islam.

Seterusnya mengikut Chandra, tradisi fiqah juga gagal mengatasi ketidakadilan dalam ekonomi yang wujud dalam banyak negara Islam. Amat ketara ialah tuduhan Chandra pendekatan fiqah telah mewujudkan kelas sami-sami agama (priesthood) dalam Islam yang mengongkong dan monopoli ilmu agama. Chandra perlu jelaskan jika golongan Tuan Guru dikecualikan daripada kelas sami agama ini?

Chandra juga menyebut dengan paling terang dan lantang sekali pendekatan fikah membenarkan dan menghalalkan ketidakadilan yang tidak mempunyai asas dalam Quran (fiqh approach admits and legitimizes inequalities). Seterusnya Chandra menyeru orang Islam supaya berani menolak tradisi fikah itu (Muslims should be bold and brave enough to transcend the fiqh tradition).

Memandangkan hukum-hukum fikah juga merangkumi jumbuh ulama, ijma, qiyas dan sebagainya yang menjadi inti dan daging hukum hudud juga, maka jelas penolakan Chandra terhadap fikah adalah jauh berbeza dan amat bertentangan dengan pegangan Hadi terhadap hudud. Masalahnya paling ramai pengikut Pas dan juga Hadi Awang sendiri tidak fasih membaca bahasa Inggeris.

Oleh itu, mereka tidak peka akan pegangan rakan-rakan politik mereka seperti Chandra yang sebenarnya disiarkan dalam media Inggeris yang lain.

Kekeliruan Hadi dengan rekaan hudud Pasnya, Anwar dengan kaedah pelaksanaannya dan Chandra yang mempertikaikan kaedah fikah sendiri amat ketara dan menonjolkan.

Tetapi, bagi ramai penyokong Pas, kata pengantar oleh Anwar Ibrahim ini membawa perkataan canggih seperti onaniyah, masyghul, syahdan dan lain-lain.

Ia juga senaraikan nama buku dan penulis buku yang menunjukkan Anwar Ibrahim adalah seorang yang membaca buku, tidak kira ianya buku penuntut

tahun pertama.

Kata pengantar seperti ini sangat sesuai dibaca oleh mereka kerana ia mirip tahap pemikiran mereka. Kemungkinannya mereka tidak tahu juga Said Ramadhan telah dengan sukarelanya habiskan banyak masa menetap di Eropah.

Mereka tidak tahu kritikan Chandra terhadap fikah. Mereka tidak tahu maksud istilah onaniyah, tetapi mereka seronok juga mendengar istilah Arab seperti masyghul dan syahdan. Itulah pahala bunyi yang diburu mereka.

Dan Anwar Ibrahim amat sangat memahami psychology simplistic ini.

(END)